

10 JUL 2003  
Mahathir-Teks/I  
TEKS UCAPAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Berikut ialah ucapan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di Hotel Marriott Putrajaya, Putrajaya pada Khamis, 10 Julai 2003 pada 9 pagi

#### Islam Dalam Era Globalisasi

Alhamdulillah, segala puji pujian bagi Allah yang dengan limpah rahmatnya membolehkan kita semua berhimpun di sini hari ini untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan agama kita, Islam dan ummah. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi peluang ini kepada saya untuk merasmikan multaqah ini dan bercakap mengenai perkara yang tersemat dilubuk hati kita.

2. Tetapi sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua peserta dan tetamu terutamanya dari luar Malaysia ke negara ini ia itu sebuah negara yang penduduknya yang berbilang kaum dan pelbagai agama di mana rakyat menerima perlembagaan yang menetapkan Islam sebagai agama rasmi tetapi amalan agama lain oleh pengikut mereka dijamin. Kami percaya dengan keharmonian beragama seperti yang disyariatkan oleh Islam dalam Surah Al-Kafirun, ayat lima dan enam.

"Kamu tidak akan menyembah apa yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu bagi ku agamaku."

3. Islam tidak mempunyai sistem hirarki tetapi cendekiawan, pakar atau ulama seperti yang biasa disebut, memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan individu dan masyarakat Islam. Begitulah pengaruh mereka sehingga kestabilan dan kemajuan negara-negara Islam banyak bergantung kepada mereka.

4. Ulama dikatakan waris "warasah" Rasulullah. Ini menjadikan mereka lebih berkuasa. Kata-kata mereka kerap kali dianggap sebagai kebenaran dan jarang sesiapa pun mempertikaikan fatwa yang mereka buat.

5. Dalam sejarah, ulama agung merupakan orang yang sebenar-benarnya ulung yang hanya berminat melihat Islam diinterpretasi dengan betul. Bagaimanapun ulama agung ini turut mempunyai interpretasi yang berbeza mengenai Islam. Keadaan ini menyebabkan perpecahan besar di kalangan umat Islam sehingga mereka tidak boleh disatukan sehingga hari ini.

6. Dengan itu, kita dapati adanya perpecahan antara puak Sunni dan Syiah. Perbezaan itu menyebabkan mereka sering berperang sesama sendiri. Tetapi puak Sunni dan Syiah sekali lagi dipisahkan oleh ajaran-ajaran berbeza imam-imam mereka, yang sudah tentu adalah cendekiawan agung atau ulama. Kemudian, ada pula mazhab-mazhab Islam yang berlainan yang mengakibatkan wujudnya pula Tarikat, yang mempunyai kepercayaan tertentu termasuk amalan menurun sebagai sebahagian daripada pemujaan agama. Semua kumpulan dan kepercayaan ini muncul akibat perbezaan interpretasi antara

ulama dan mengajar agama ini dengan cara yang berbeza.

7. Hari ini, gelaran ulama digunakan secara sebarangan. Sesiapa pun boleh mendakwa dirinya sebagai ulama, pengganti Rasulullah, yang layak membuat sebarang interpretasi atau fatwa mengenai Islam. Mereka selalunya mempunyai pengikut yang bersikap fanatik. Dan ini menyebabkan umat Islam terus berpecah-belah.

8. Politik Islam muncul sejurus selepas kematian Rasulullah. Puak Khawarij dan Bani Umayyah membentuk kumpulan berasingan dengan interpretasi masing-masing mengenai Islam. Dan mereka bermusuhan sesama sendiri. Sejak itu, pelbagai manifestasi mengenai politik Islam menjadi ikutan di kebanyakan negara-negara Islam.

9. Politik Islam ialah mengenai penggunaan Islam untuk tujuan dan kepentingan politik. Dengan adanya demokrasi, politik Islam menjadi semakin kukuh. Seringkali politik Islam membawa kepada salah interpretasi mengenai Islam bagi tujuan mewajarkan dan menyokong agenda-agenda politik mereka.

10. Dengan itu, ahli politik Islam sanggup mengkafirkan sesiapa yang tidak menyokong parti-parti politik mereka dan akan dimasukkan ke neraka pada Akhirat. Ini menakutkan ramai orang yang jahil hingga bertindak menyokong mereka. Ini adalah komitmen fanatik para penyokong sehinggakan interpretasi yang jelas salah juga diterima mereka. Dan apabila pemimpin-pemimpin politik Islam ini, iaitu ulama-ulama palsu ini, menyatakan bahawa Allah mencarut, Allah adalah samseng dan pembuli, mereka sanggup percaya bahawa Allah, Tuhan Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang, adalah samseng dan pembuli. Sebaliknya, yang lain menginterpretasikan Al-Mutaqabir dengan cara yang berbeza iaitu Allah Maha Agung, pemilik segala kebesaran. Bahasa pasar tidak boleh digunakan kepada Allahu Akhbar.

11. Seringkali seseorang ulama yang berkarisma akan muncul dan mengisytiharkan dirinya sebagai Imam Mahadi, yang kononnya mahu menyelamatkan ummah. Seperti biasa, mereka terbukti merupakan ulama palsu dan kepimpinan mereka tidak menyelamatkan umat Islam. Sebaliknya, umat Islamlah yang selalunya kecundang dan terus tenggelam kerana kelemahan serta ketinggalan. Tetapi, masih ramai di Malaysia yang mendakwa mereka telah dipilih oleh Allah. Dan para pengikut mereka akan menyokong mereka secara fanatik.

12. Dengan ulama-ulama berperanan penting bagi membimbing umat Islam ke jalan yang benar seperti yang diajar dalam Islam, adalah amat penting bagi kita untuk tidak menerima bulat-bulat sesiapa pun yang mendakwa dirinya ulama. Mereka yang mengaku dirinya ulama sebenarnya seorang pembohong yang mempunyai kepentingan dalam agenda mereka. Pembohong-pembohong ini telah mengelirukan umat Islam hinggakan selalunya amalan mereka sukar dianggap sebagai Islamik. Dan banyak kumpulan serpihan Islam dibentuk kerana ulama-ulama palsu ini.

13. Oleh itu kita perlu meneliti secara kritikal ajaran ulama-ulama, sama ada pada masa lalu atau sekarang. Perpaduan dan persaudaraan ditekankan dalam Islam, tetapi pengajaran dan interpretasi berbeza menghalang perpaduan dan ramai umat Islam menolak persaudaraan Islam kecuali mereka berada dalam kumpulan mereka sendiri atau puak atau parti politik mereka sendiri. Perbezaan dalam Islam adalah sihat dan dibenarkan namun pastinya bukan sehingga menuduh yang lain tidak beragama, kafir dan melancarkan perang sesama sendiri, bersekongkol dengan bukan Islam untuk

menentang umat Islam lain. Seperti yang kita tahu, Rasulullah hanya mengajar satu Islam. Kini ramai yang mengisytiharkan merekalah umat Islam sebenar dan mengamalkan jenama Islam mereka sendiri. Agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T seperti yang diajar Rasulullah S.A.W telah menjadi beratus-ratus agama.

14. Akibatnya umat Islam hari ini sangat keliru dan berpecah dan tidak dapat menangani cabaran besar yang berlaku di dunia sepanjang 1,400 tahun selepas Rasulullah mengajar Islam kepada kaum Jahilliah. Ada yang percaya hanya dengan mewujudkan semula cara hidup 1,400 tahun lalu, mereka boleh menjadi Islam sebenar. Bagi mereka, Islam hanya pada masa Rasulullah dan penduduk Arab dan bukan untuk semua peringkat umur dan situasi.

15. Kita tahu semasa Jahilliah menerima Islam mereka menjadi orang yang sedar, dapat menghentikan perselisihan dan pergaduhan antara puak mereka dan dapat membangun tamadun Islam agung. Mereka menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dan mendominasi dunia pada masa mereka. Mereka memperluaskan wilayah mereka dan menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam setiap bidang dan menjadi Khalifah Allah sebenar di muka bumi. Islam dan umat Islam dihormati oleh semua manusia.

16. Tamadun agung Islam yang di usahakan oleh Jahilliah dan mereka yang memeluk Islam, menghasilkan reformasi termasuk di dunia bukan Islam. Ia merupakan hakikat bahawa matematik, sains, perubatan, astronomi dan banyak bidang pengajian mencatat banyak kejayaan hasil kerja para cendekiawan Islam. Ini pastinya melengkapkan pengajaran Islam, yang mana surah pertama kepada Rasulullah adalah "Baca", "Iqra'". Baca bermaksud belajar, mendapatkan pengetahuan. Semasa zaman gemilang tamadun Islam, dunia memberi tumpuan kepada umat Islam untuk belajar dalam semua bidang. Orang Eropah dan Yahudi belajar bahasa Arab bagi mendapat akses kepada kerja-kerja awal orang Greek, Parsi, India dan China yang telah diterjemah ke dalam bahasa Arab dan dipelajari dan dikembangkan oleh cendekiawan Arab Islam.

17. Umat Islam juga menjadi pedagang terkenal, mahir mengemudi kapal merentas lautan luas menggunakan pengetahuan mereka dalam bidang astronomi. Perdagangan mereka di tempat jauh berjaya menyebarkan Islam di negara tempat mereka berdagang. Mereka bukan pendakwah profesional tetapi kejayaan dan perlakuan yang baik menyakinkan pemerintah tempatan, yang kemudiannya menerima Islam. Indonesia hari ini merupakan negara yang mempunyai penduduk Islam paling ramai di dunia hasil perdagangan Islam dari Yemen dan India.

18. Penyebaran ajaran Islam bersama-sama kejayaan umat Islam dalam pentadbiran wilayah mereka serta kemahiran dan kejayaan mereka dalam perdagangan dan industri, dihormati umat Islam dan dikagumi dunia. Mereka dianggap sebagai kuasa dunia. Tiada siapa berani menekan umat Islam atau menakluki wilayah mereka.

19. Namun kita semua tahu bahawa kini jauh dari menjadi kuasa dunia, satu bilion umat Islam mudah ditindas oleh bukan Islam, mudah ditewaskan dalam perang dan dipaksa menerima permerintahan asing dan hegemoni asing. Rasulullah dipanggil sebagai penganas dan dihina secara terbuka. Tempat-tempat suci Islam dicemari, negara-negara Islam berpecah dan lemah, tunduk kepada negara bukan Islam yang berkuasa. Hari ini umat Islam ditangkap dan ditahan, malah didakwa kerana didakwa melakukan keganasan. Walaupun umat Islam lebih menderita akibat keganasan, hanya umat Islam dan Islam dikaitkan dengan keganasan. Agama mereka yang bukan Islam yang melakukan tindakan ganas tidak disebut. Kita tidak mendengar mengenai penganas Kristian, atau penganas Hindu atau penganas Buddha atau

pengganas Yahudi walaupun bilangannya seramai pengganas Islam, Kita hanya mendengar mengenai pengganas Islam.

20. Kita mesti bertanya diri kita sendiri mengapa umat Islam terpaksa melalui penghinaan ini pada masa ini; mengapa kita menjadi sangat lemah dan tidak mampu mempertahankan hak kita. Apa yang berubah yang menjadikan tamadun Islam jatuh sehingga ke tahap serendah ini? Adakah kerana Islam agama yang ketinggalan; adakah ini takdir Allah kepada kita, atau adakah kerana kita, umat Islam telah salah faham mengenai agama kita dan tidak mengamalkan dengan betul?

21. Pertama, adakah kerana kemunduran Islam sehingga kita tidak dapat bersaing dengan orang bukan Islam dan mempertahankan diri kita sendiri? Ia tidak begitu. Kita tahu apabila Jahilliah menerima Islam, kejahilan mereka digantikan dengan kesedaran dan pengetahuan dan menjadikan mereka mampu membina tamadun agung yang meliputi hampir keseluruhan dunia yang diketahui ketika itu. Tamadun agung ini bertahan hampir kira-kira 1,300 tahun. Jika Islam merupakan punca umat Islam ketinggalan, mereka tidak mampu mewujudkan tamadun Islam yang kuat dan maju.

22. Jika bukan agama Islam yang menyebabkan kejatuhan umat Islam, adakah kerana Allah yang memerintahkan umat Islam supaya ketinggalan dan ditindas pihak lain? Sekali lagi, ini tidak mungkin kerana Allah telah menyedarkan orang Arab jahilliah dan yang lain untuk memeluk Islam semasa awal zaman bagi membolehkan mereka menjadi Kalifah-kalifah yang sempurna di bumi dan membawa kegemilangan kepada Islam, iaitu agama Allah. Dia (Allah) tidak akan memerintahkan supaya Islam diaibkan dan umat Islam ditindas tanpa sebarang sebab.

23. Satu-satunya rumusan yang boleh kita buat mengenai nasib buruk umat Islam ialah mereka tidak mengamalkan ajaran sebenar Islam, iaitu Islam yang mereka amalkan sekarang telah diinterpretasikan dengan salah.

24. Kita tahu bahawa pada 1492, negara Islam terakhir di Sepanyol telah dikalahkan dan umat Islamnya telah diusir dari Sepanyol. Mengapa ini berlaku? Jika kita lihat kepada sejarah Al-Andalus yang umat Islam kenali sebagai Sepanyol, kita dapati selepas umat Islam menakluki Sepanyol, mereka menubuhkan sebuah pentadbiran yang toleran dan bebas daripada kejahilan. Usaha-usaha mendapatkan segala bentuk pengetahuan juga digalakkan. Sebuah perpustakaan agung juga telah dibina di Khartubah atau Cordoba. Para cendekiawan dari Eropah datang ke Al-Andalus untuk mengkaji karya-karya cendekiawan, saintis dan ahli matematik Greek, Parsi dan India yang telah diterjemahkan oleh para cendekiawan Islam termasuk sumbangan para cendekiawan itu sendiri. Para jurutera Islam membina saluran untuk mengairi negara itu dan menyuburkan pertanian. Hasil-hasil besi dan keluli, tembaga dan gangsa, serta kayu berukiran halus telah dikeluarkan dan dieksport bagi membawa kemewahan dan kemahsyuran kepada Al-Andalus. Masjid-masjid dan istana-istana agung juga telah dibina dengan menampilkan seni bina unik yang amat dikagumi oleh orang Eropah.

25. Bagaimanapun, selepas kira-kira 500 tahun, para juri Islam mula berdakwah menentang sikap liberal dalam mengkaji subjek-subjek bukan agama. Kajian mengenai karya bukan Islam pada masa lampau juga tidak digalakkan. Untuk mendapatkan pahala di Akhirat, satu-satunya subjek yang harus dikaji ialah yang berkaitan dengan agama Islam. Secara perlahan-lahan, umat Islam menjadi jahil dan ketinggalan. Mereka semakin kurang memberi perhatian kepada hal ehwal dunia, membenarkan harta mereka dihakiskan dan kekuatan

tentera mereka diabaikan. Selepas kemangkatan Al-Mansur pada abad ke-12 Selepas Masihi, keadaan Al-Andalus bertambah buruk dan ia akhirnya berpecah kepada banyak negara-negara kecil. Permusuhan antara negara-negara ini terus melemahkan lagi umat Islam dan satu demi satu negara itu jatuh sebelum diserang orang Sepanyol. Granada adalah negara terakhir yang kecundang.

26. Tamadun Islam mungkin berakhir pada masa itu tetapi dinasti umat Islam Turki Othmaniah muncul sebagai kuasa besar di rantau Mediterranean Timur. Umat Islam Turki ini memperluaskan lagi penguasaan mereka di wilayah-wilayah Arab Islam di Asia Barat dan Afrika Utara yang membolehkan umat Islam terus menjadi kuasa yang kuat di dunia. Kebanyakan negara-negara Balkan jatuh ke tangan pemerintahan Turki. Tetapi pemerintah Turki tidak mengikuti perkembangan dan pembangunan industri di Eropah terutama pembangunan senjata-senjata baru. Mereka juga tidak mempelajari pengetahuan dan kemahiran kontemporari. Mereka lebih menitikberatkan tentang tata cara berpakaian tentera Yaniseri yang berseluar ketat dan topi, sama ada ia Islamik atau tidak. Berikutan tiadanya senjata moden dan dilanda masalah disiplin, tentera Turki semakin lemah. British dan Perancis memasuki negara itu untuk menghasut orang Arab supaya memberontak menentang pemerintah Turki. Dengan harapan untuk mendapatkan kemerdekaan daripada pemerintahan Turki, orang Arab lupa tentang persaudaraan Islam dan bekerjasama dengan orang Eropah untuk mengalahkan orang Turki Islam. Tetapi, akhirnya orang Arab tidak memperolehi kemerdekaan kerana Britain dan Perancis menduduki wilayah-wilayah mereka dan membahagikan tanah mereka serta menjadikan negara-negara ciptaan itu sebagai kawasan jajahan mereka.

27. Turki sendiri mungkin menjadi sebahagian daripada Greece jika tidak kerana Kamal Atatürk, yang walaupun mendakwa dirinya seorang sekular, telah mengetuai pasukan tentera Turki Islam untuk mengusir penduduk Greek dari Anatolia.

28. Sejarah kemerosotan dan kejatuhan Al-Andalus dan Empayar Turki Othmaniah membawa banyak iktibar bagi kita, antaranya mengenai perlunya pengetahuan dan kemahiran moden bagi memastikan pertahanan ummah. Selagi umat Islam dapat mematuhi ajaran-ajaran Islam untuk mengimbangkan pengetahuan agama dengan pengetahuan duniawi, mereka akan cukup kuat untuk mempertahankan diri dan agama mereka. Jika mereka menolak ajaran ini dan menumpukan kepada pengetahuan agama sahaja, mereka akan menjadi lemah dan tidak dapat mempertahankan diri mereka daripada musuh.

29. Nampaknya kita masih belum mengambil iktibar daripada segala yang berlaku pada masa lampau, sejak kebangkitan dan kejatuhan tamadun Islam di Sepanyol dan Afrika Utara, dan nasib serupa yang menimpa empayar Turki di Timur. Sejak itu, setiap usaha untuk membangunkan negara-negara Islam mendapat bantahan para ulama yang percaya bahawa dunia ini bukanlah untuk umat Islam, atau mereka yang percaya bahawa akan mendapat pahala jika hanya mempelajari tentang agama. Usaha-usaha lain adalah dianggap sebagai sekular dan bersifat duniawi termasuk pertahanan Islam dan ummah.

30. Ajaran-ajaran Islam yang positif diinterpretasikan dalam cara yang negatif. Perpaduan umat Islam dibuat secara bersyarat apabila menerima sesuatu kepercayaan tertentu atau pegangan politik. Mereka yang tidak menerima syarat-syarat ini tidak akan dianggap sebagai umat Islam dan menolak untuk bersatu padu dengan mereka. Apabila Al-Quran menyebut bahawa semasa kita membuat penghakiman, kita mestilah menghakimi dengan adil, kita menolak perintah ini bagi memihak kepada pematuhan prosedur-prosedur

walaupun jika ia mengakibatkan ketidakadilan. Dan lebih banyak ajaran-ajaran Islam diputarbelitkan dan dipesongkan supaya agama ini akan gagal menyampaikan keagungan Islam.

31. Bukan agama Islam yang menyebabkan kemerosotan umat Islam. Sebaliknya pelbagai representasi salah dan salah interpretasi mengenai Islam yang membawa kepada nasib malang umat Islam ini.

32. Baru-baru ini, negara-negara Islam telah diancam dan umat Islam di Malaysia seperti mana saudara-saudara mereka di seluruh dunia terus berdoa kepada Allah untuk menyelamatkan umat Islam Iraq dan negara mereka. Tetapi doa-doa mereka tidak dimakbulkan.

33. Adakah kerana Allah s.w.t. telah mengabaikan umat Islam? Sudah pasti bukan. Di dalam Al-Quran, Allah telah mengingatkan bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesiapa pun (umat Islam) kecuali mereka berusaha untuk mengubah nasib mereka sendiri (Surah Al-Radu Ayat 11). Allah juga telah mengingatkan umat Islam bahawa mereka mesti bersedia dari segi pertahanan dalam usaha menakutkan pihak musuh dan mempertahankan ummah. (Surah Al-Anfal Ayat 60)

34. Kita tahu bahawa umat Islam tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib mereka, kelemahan mereka serta kedudukan mereka yang sudah ketinggalan. Mereka juga tidak berusaha untuk mengejar dan mengatasi pihak yang memperkecilkan mereka dari segi pengetahuan dan kapasiti mengeluarkan senjata, untuk mempunyai tentera yang penuh disiplin dan terlatih bagi mempertahankan mereka. Allah s.w.t. telah memberikan mereka banyak kekayaan tetapi mereka tidak menggunakannya untuk jalan Allah. Mereka langsung tidak berusaha untuk bersatu padu. Mereka enggan menerima bahawa dunia masa kini bukan lagi sama dengan dunia 1,400 tahun lepas.

35.Kecewa dengan penindasan dan penaklukan Israel di tanah air mereka, penduduk Palestin menjadi pengebom berani mati. Ramai menganggap diri mereka sebagai shahid. Malah pasukan keselamatan Malaysia yang berjuang untuk menyelamatkan negara Islam daripada jatuh ke tangan atheis (mereka yang tidak beragama) tidak dianggap bernilai. Begitu juga tiada merit kepada mereka yang belajar sains, matematik, kejuruteaan dan sebagainya, yang penting untuk keupayaan pembangunan dan pertahanan dan memperkayakan negara diberikan sebarang pertimbangan. Malah orang ini membantu memperkukuhkan umat Islam dan mengelak mereka daripada diaibkan seperti sekarang.

36. Umat Islam tidak akan mampu mengembalikan semula penghormatan Islam dan umat Islam kecuali mereka berjaya mempertahankan diri mereka semula. Untuk mampu berbuat demikian, banyak perkara yang perlu mereka lakukan. Saya sudah pun menyebutnya. Kita boleh memulihkan tamadun Islam jika kita mengorientasikan umat Islam supaya mereka menguasai semua pengetahuan dan kemahiran yang menjadikan panduan hidup Islam "Addin" dikagumi dan dihormati orang lain.

37. Keputusannya terletak pada kita. Jika kita merasakan kita patut memulihkan kemegahan Islam dan Tamadun Islam. kita perlu membebaskan diri kita daripada penindasan, mampu mempertahankan diri kita, kita perlu berusaha melakukan apa yang perlu bagi perkara-perkara yang dianggap duniawi. Jika kita merasakan kita tidak wajar melakukan sebarang perkara duniawi maka kita perlu menerima keaiban Islam, umat Islam dan negara mereka.

38. Saya sudah katakan bahawa cendekiawan Islam, ulama masih menjadi anggota ummah yang paling berpengaruh. Mereka mampu mengubah minda umat Islam dalam mana-mana arah. Jika kita merasakan kita mahu berjaya dan menjadi kuat, ulama boleh memberi perangsang. Mendapat kesemua perkara yang sudah dicapai oleh puak yang memperkecil-kecilkan kita tidaklah sukar. Tetapi kita perlu menuju ke arah yang betul. Ulama boleh membantu kita menjayakannya.

39. Usaha kita tidak akan dapat di capai dengan membunuh orang yang tidak berdosa secara membabi buta. Sebaliknya kita perlu merancang dan melaksanakan pelan pembangunan jangka panjang dan mengungguli semua bidang. Pemulihan kita akan mengambil masa yang lama. Kita perlu bersabar. Innallaha maassobirin. Tapi Insyaallah pada akhirnya kita akan berjaya seperti yang dijanjikan Allah S.W.T. Dia tidak akan mengubah nasib kita selagi kita tidak berusaha untuk mengubah nasib kita sendiri. Kita mesti membuktikan kepada dunia bahawa Islam bukan penghalang kepada kemajuan, bahawa Islam adalah agama untuk sepanjang masa, bahawa Islam adalah agama keamanan dan kestabilan, bahawa Islam boleh wujud bersama-sama dalam dunia di mana umat Islam hanya berjumlah satu perenam daripada umat manusia.

40. Seperti yang saya kata terpulanglah kepada kita untuk memutuskannya. Multaqa ini penting kerana ia merupakan persidangan yang membabitkan orang yang paling berpengaruh di kalangan umat Islam. Jika tuan-tuan memutuskan untuk menghilangkan keaiban kerana dipandang rendah dan ditindas oleh mereka yang menentang kita, maka tuan-tuan mesti memberitahu kita apa yang tuan-tuan mahu kami lakukan bagi memulihkan kegemilangan dan tamadun agung masa lampau kita.

41. Itulah keputusan yang tuan-tuan sebagai ulama perlu lakukan dan tuan-tuan perlu membuat keputusan ini secara konsensus supaya interpretasi berbeza tidak akan terus berpecah. Itulah tugas kolektif tuan-tuan kepada Islam dan umat Islam.

42. Islam tidak pernah salah. Allah tidak mentakdirkan supaya agamanya dihina atau dipandang rendah, atau umat ditindas dan diaibkan. Nasib malang umat Islam hari ini adalah hasil perbuatan mereka sendiri, kegagalan untuk mengamalkan ajaran sebenar Islam dan mengembalikan kegemilangan tamadun Islam. Dan ulama mesti membimbing mereka menerusi interpretasi betul mengenai tuntutan agama. Tetapi tugas sebenar mesti dilakukan oleh umat Islam yang berkecualan dalam pelbagai kemahiran. Adalah malang jika mereka yang pakar dalam satu bidang mengandaikan mereka pakar dalam semua bidang.

44. Saya mendoakan multaqah ini akan berjaya. Semoga Allah SWT merahmati dan membimbing anda sekalian dalam perbincangan yang dijalankan.  
Shukran. Terima Kasih.

\*\*\*\* Pejabat Perdana Menteri, PUTRAJAYA [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my)

-- BERNAMA  
RYN NAK LAT